

Headline	Iktiraf sumbangan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 Dec 2015	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	1,270,667
Page No	V7	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	264 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,400
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,200



# Iktiraf sumbangan

**Ketua Pengarah** Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) Datuk Dr Abd Latif Mohmod menerima Anugerah Perdana bagi Kategori Tokoh Buku Penyelidikan 2015 daripada Yayasan Pembangunan Buku Negara (YPBN).

Anugerah disampaikan Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi pada Majlis Anugerah Buku Negara di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Pemilihan Abd Latif sebagai penerima anugerah ini mengiktiraf sumbangan beliau mempelopori usaha menterjemah penerbitan saintifik FRIM kepada bentuk buku mesra ilmu yang lebih mudah difahami.

Abd Latif yang dilantik sebagai Ketua Pengarah FRIM pada 2008 menghasilkan lebih 300 penulisan saintifik berkaitan bidang alam sekitar ketika

berkhidmat sebagai pegawai penyelidik FRIM.

Beliau dipilih sebagai Top Research Scientist Malaysia pada 2013 dan dilantik sebagai felo Akademi Sains Malaysia sejak 2014.

“Saya bersyukur kerana dipilih menerima anugerah ini dan berharap dengan pengiktirafan ini lebih banyak lagi buku penyelidikan negara yang dapat diterjemahkan untuk manfaat masyarakat umum,” katanya.

Di bawah pentadbiran beliau, FRIM berjaya menghasilkan lebih 214 judul penerbitan rasmi bagi menyebarkan maklumat penyelidikan termasuk 22 buku mesra ilmu.

Empat daripada buku mesra ilmu meraih Anugerah

Buku Negara Kategori Buku Teknikal Terbaik, Buku Umum Terbaik (Sains) dan Anugerah Perdana Kategori Penyelidikan pada 2010, 2012 dan 2013.

Sementara itu, Penyelidik FRIM, Dr Nor Azah Mohamad Ali antara yang dipilih sebagai penerima Anugerah Saintis Penyelidikan Terbaik Malaysia (TRSM) Akademi Sains Malaysia (ASM) tahun ini.

Beliau bersama 13 saintis lain menerima sijil TRSM yang disampaikan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi Datuk Seri Wilfred Madius Tangau di majlis pengumuman dan penyampaian sijil TRSM di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC) sempena Perhimpunan Agung ASM Ke-8, baru-baru ini.

Nor Azah adalah penyelidik cemerlang yang pernah menerima Anugerah Saintis Terbaik

FRIM pada 2009; ‘Scientific Achievement Award’ IUFRO (2010) dan Anugerah Penyelidikan Terbaik (2015).

Beliau mempunyai pengalaman 28 tahun dalam penyelidikan sebatian kimia semula jadi terutama dalam bidang minyak pati berkaitan dengan perhutanan, pertanian dan industri herba.

Sebagai Ketua Program Pembangunan Produk Herba FRIM, beliau terbabit secara aktif dalam penyelidikan minyak pati, herba dan pembangunan produk kosmeseutikal di FRIM.

Skop penyelidikan termasuk teknologi ekstraksi minyak pati, penilaian deria hidu, pemprofilan kimia, bioaktiviti dan formulasi produk.

Hasil usaha Nor Azah dalam penyelidikan minyak pati, beliau membangunkan perpustakaan minyak pati dengan koleksi lebih daripada 160 spesies tumbuhan.

Headline	Iktiraf sumbangan		
MediaTitle	Harian Metro		
Date	15 Dec 2015	Color	Full Color
Section	Variasi	Circulation	1,270,667
Page No	V7	Readership	3,812,000
Language	Malay	ArticleSize	264 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 10,400
Frequency	Daily	PR Value	RM 31,200

